

Soalan No: 66

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 1.8.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PENDIDIKAN** meyakinkan langkah-langkah menangani proses kemerosotan pendidikan dalam membangun manusia (humanising man) dalam sistem persekolahan dilihat daripada segi berleluasanya kes buli, samseng dan gangsterisme, ponteng sekolah, vandalisme dan kelucahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius aspek pembangunan sahsiah diri murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. KPM melaksanakan pembangunan sahsiah melalui kurikulum, kokurikulum dan program luar sekolah. Bagi menangani isu-isu berkaitan dengan disiplin murid, KPM mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1. Memperkasakan perkhidmatan kaunseling seiring dengan isu-isu semasa;

2. Menguatkuasakan peraturan-peraturan Pendidikan; dan
3. Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO) dalam usaha untuk membendung salah laku murid

RJM56